

No. Sebut Harga: KPK SH 16/2026

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Kementerian atau Jabatan:

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI


1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Toyota Innova 2.0 E (M)	WPQ775	1	4,214,00
2.	Toyota Fortuner 2.5G (D) A/T	WVT1283	1	19,456.00
3.	Toyota Fortuner 2.5G (D) A/T	WWY414	1	23,650.00

2. Aset boleh dilihat pada **14 September 2026 (Isnin)** di antara jam **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** di **Basement 3 (B3), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Presint 2, 62654 W.P. Putrajaya**. Pendaftaran lawatan aset dibuka mulai jam **9.30 pagi hingga 10.00 pagi** di Lobi KPK, Aras G, KPK.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperoleh secara manual pada **14 September 2026 (Isnin)**, mulai jam **9.30 pagi hingga 10.00 pagi** semasa pendaftaran. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga **KPK SH 16/2026** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan,
Aras 6, Kementerian Perladangan dan Komoditi,
Lot 2G4, Presint 2, 62654, W.P. Putrajaya**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **21 September 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos dan kurier.
6. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Cik Ain Najihah binti Azmi (Perolehan/ 03-88803403/ ainnajihah@kpk.gov.my) atau Encik Mohammad Ruziami bin Adam (Aset/ 03-88878398/ ruziami.adam@kpk.gov.my).


.....
(FAZLI BIN SAID)

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Tarikh: 8 September 2026



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama Kementerian Perlindungan dan Komoditi.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Kementerian berhak untuk melupuskan aset tersebut.

